

GRAND MUFTI ATAU KHALIFAH YANG KITA PERLUKAN?

[SN103] Isu berkenaan mufti terus hangat diperkatakan rentetan dari perbezaan pendapat yang timbul berhubung dengan persoalan perbuatan mengintip, mengintai dan mencari pasangan untuk ditahan atas kesalahan khalwat dan juga penggunaan nada dering ayat al-Quran dan azan pada telefon bimbit. Lanjutan dari isu itu timbul cadangan dari Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas agar diwujudkan jawatan *Grand Mufti* (Mufti Besar) yang bertujuan untuk menjelaskan isu-isu berkenaan agama Islam dengan berkesan kepada masyarakat umum serta mengelakkan ilmu agama diporak-perandakan mengikut kepentingan pihak tertentu. “*Dengan adanya seorang Mufti Besar, isu-isu agama tidak lagi perlu didebatkan secara terbuka di dalam media kerana ia boleh dibincangkan secara tertutup di antara mereka yang berhak*” katanya ketika ditemui mStar Online di pejabatnya [mStar Online 26/12/06].

Cadangan ini dibantah oleh Mufti Perak seperti yang juga dilaporkan oleh mStar Online pada hari yang berikutnya – “*Mufti Perak Datuk Seri Harussani Zakaria hari ini menolak mentah-mentah cadangan supaya ditubuhkan jawatan Mufti Besar kerana bimbang ia akan menghapuskan kuasa Raja-raja ke atas perkara-perkara melibatkan agama Islam*” [mStar Online 28/12/06]. Cadangan ini juga dilihat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai sesuatu yang tidak mungkin dapat dilaksanakan berdasarkan peruntukan Perlembagaan negara. “*Saya lihat tak mungkin cadangan ini boleh dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan sedia wujud*”, katanya [Berita Harian 30/12/06]. Persoalannya kini ialah apakah cadangan mewujudkan jawatan Mufti Besar ini selaras dengan kehendak Islam itu sendiri? Apakah ia (jika wujud) akan menjadi penyelesaian kepada masalah umat Islam atau hanya akan mengekalkan ‘trend’ yang sedia ada? Apakah tidak boleh ada perbezaan pendapat di dalam Islam dan apakah hanya ulama yang berhak bercakap tentang Islam sehingga perbincangan mengenainya pun perlu dilakukan secara tertutup? Sautun Nahdhah akan mengupas serba sedikit tentang isu ini.

Kedudukan Mufti Dan Fatwa Di Dalam Islam

Apabila kita membicarakan persoalan mufti maka ianya tidak boleh dipisahkan dengan fatwa kerana secara umumnya mufti itu adalah pihak yang diminta fatwanya oleh seseorang berkenaan dengan sesuatu isu samaada yang menyentuh persoalan aqidah mahupun hukum syara’. Orang yang memberikan fatwa atau yang menjelaskan hukum sesuatu persoalan kepada yang memintanya dipanggil *mufti* dan orang yang meminta fatwa disebut sebagai *mustafti*. Mufti juga boleh menjadi *mustafti* apabila mereka meminta fatwa dari mujtahid (jauh lebih faqih dari mufti) atau dari ulama lain. Fatwa adalah merupakan produk hukum Islam yang berlandaskan wahyu (al-Qur’an dan al-Hadis) untuk menghukumi sesuatu fakta tertentu. Sehubungan dengan itulah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa Sallam telah memberikan peringatan kepada mereka yang memberikan fatwa sebagaimana yang disabdakan oleh baginda yang maksudnya,

“*Siapa sahaja yang memberikan fatwa tanpa didasarkan pada ilmu maka ia berdosa atas apa yang difatwakannya*” [HR Ahmad].

Seperti yang kita ketahui bahawa sumber hukum yang disepakati di dalam Islam ada empat iaitu Al-Quran,

Al-Sunnah, Ijmak Sahabat dan Qiyas. Untuk menetapkan suatu hukum, sumber inilah yang wajib dirujuk, bukan yang lain seperti aqal manusia atau undang-undang kufur. Secara ringkasnya, proses dari awal sehinggalah ke peringkat akhir sesuatu hukum itu diamalkan oleh umat Islam adalah seperti berikut,

Sumber Hukum (Al-Qur’an, Al-Sunnah, Ijmak Sahabat dan Qiyas) P Di gali (*istinbat*) oleh **Mujtahid** P Mengeluarkan hukum syara’ tentang sesuatu P Diambil dan diikuti oleh **Muqallid** P **Mufti** Menyebarkan hukum (*fatwa*) P Aplikasi (diamalkan) dalam kehidupan (**Mustafti**).

Imam Al-Ghazali telah membuat satu perumpamaan yang menarik tentang proses ini. Beliau telah menganalogkan sumber hukum sebagai pokok dan hukum syara’ adalah buahnya. Manakala, jalan/cara untuk memetik buahnya adalah petunjuk (indikasi) dari nas iaitu empat teknik memahami nas. Mujtahid merupakan orang yang memetik buah tersebut dan memberinya kepada Muqallid (orang yang mengambil hukum dari Mujtahid) [Al-Mustashfa Fi ‘ilm Al-Usul, ms 7-8]. Syeikh Taqiyuddin Al-Nabhani menjelaskan bagaimana seorang Mujtahid melakukan proses itjtihadnya dalam tiga peringkat “mujtahid mengkaji

kejadian-kejadian (realiti) yang baru sehingga betul-betul menguasainya, kemudian mengkaji nas-nas syara' berkaitan dengan perkara tersebut. Kemudian menyimpulkan hukum untuk permasalahan itu berasaskan nas-nas syara' tadi" [Nizham Al-Islam, ms 106]. Inilah secara ringkas bagaimana sesuatu hukum syara' itu boleh digali oleh Mujtahid, dan terpakai untuk dirinya dan orang lain.

Seorang mujtahid boleh sahaja berbeza pendapat dengan mujtahid yang lain selama mana mereka masih tidak lari dari keempat-empat sumber tadi. Dengan kata lain, Islam menerima perbezaan pendapat yang wujud di kalangan umatnya selagi ianya berada di dalam lingkungan pemikiran yang Islami. Perbezaan pendapat di kalangan sahabat pernah terjadi di zaman Rasulullah dan dibenarkan oleh baginda. Sejarah kegemilangan Islam turut mencatatkan betapa perbezaan pendapat yang pernah berlaku di zaman sahabat dan zaman selepasnya tidak pernah meruntuhkan kesatuan mereka, kerana mereka masih berpegang kepada sumber asas yang sama. Cara berfikir mereka hanya diwarnai oleh Islam semata-mata. Mereka hidup di dalam Daulah Islam dan tidak pernah mengamalkan atau mengambil undang-undang kufur di dalam kehidupan dan pemerintahan.

Berbeza dengan kedudukan hari ini di mana umat Islam berbeza pendapat di dalam lingkungan persekitaran dan sistem pemerintahan yang didominasi oleh undang-undang kufur. Justeru, cara berfikir mereka turut didominasi oleh cara berfikir orang-orang kafir. Contohnya umat Islam dahulu pernah berbeza pendapat di dalam masalah hukuman zina, samada disebut sahaja sebanyak 100 kali (bagi penzina yang belum berkahwin) atau disebut dan dibuang daerah (kedua-duanya berdasarkan nas Al-Qur'an dan perbuatan Rasulullah). Tetapi mereka tidak pernah berbeza pendapat samada seseorang penzina itu perlu disebut 100 kali atau 50 kali ataupun 6 kali sahaja. Atau cukup sekadar dipenjarakan setahun atau maksima 3 tahun atau denda tidak melebihi lima ribu. Ini kerana para sahabat masih berpegang dengan sumber yang benar dari Allah dan RasulNya, tidak sebagaimana hari ini dimana umat Islam berpegang kepada sumber hukum yang dibuat oleh Lord Reid ataupun aqal manusia yang membuat hukum berdasarkan undi angkat tangan secara majoriti.

Para salafus soleh memang sering berbeza pendapat tetapi mereka tidak pernah keluar dari ruang lingkup yang tidak dibenarkan oleh syara'. Apapun perbezaan yang timbul, segala persoalan adalah berkisar tentang hukum-hukum syara' semata-mata yang diistihbat dari sumber yang benar. Seperti kata Imam Syafi'i dan inilah yang sepatutnya kita patut renungi di dalam menanggapi isu perbezaan pendapat yang bersifat Islami ini iaitu, "*ra'yuna shawab yahtamilu khata' wa ra'yu ghairina khata' yahtamilu shawab* (pendapat kami benar tetapi

ada kemungkinan salah dan pendapat selain kami salah tetapi ada kemungkinan benar).

Satu perkara yang pasti dan perlu diingati bahawa imam Syafie dan imam-imam yang lain tidak pernah mengambil sumber hukum dari Perlembagaan atau undang-undang kufur untuk mengeluarkan sesuatu pendapat. Dengan kata lain, ucapan beliau mesti difahami di dalam konteks perbezaan pendapat yang wujud berdasarkan ijtihad yang digali dari sumber hukum yang sahih sahaja. Oleh yang demikian, baik seseorang itu mujtahid, muqallid, mufti atau mustafti atau sesiapa sahaja yang mengucap syahadah, maka mereka semua adalah terikat kepada sumber hukum yang sama dan haram bagi kita umat Islam mengeluarkan pendapat berkenaan sesuatu hukum berdasarkan sumber hukum dan undang-undang selain dari Islam. Dalam hal ini Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), mereka itu tidak beriman sehingga mereka menjadikanmu sebagai pemutus di dalam apa jua yang mereka perselisihkan, kemudian tidak ada pada diri mereka sedikit keberatan pun dari apa yang engkau putuskan, mereka pasrah dengan sepenuhnya" [TMQ an-Nisa' (4):65].

Berfatwa Atau Berpolemik?

Sistem Federasi yang diamalkan di Malaysia telah memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada negeri. Agama Islam adalah salah satu perkara yang termasuk di bawah bidangkuasa negeri dengan Sultan-sultan merupakan ketua agama di negeri masing-masing. Dalam pada ini, di peringkat nasional terdapat pula Majlis Fatwa Kebangsaan yang mempunyai bidangkuasa untuk menyelaraskan fatwa terhadap isu-isu yang berlaku di dalam negara. Dari sini sebenarnya telah timbul banyak kekeliruan dan kepincangan. Terdapat beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh mufti tidak dipersetujui oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa tidak dipersetujui oleh beberapa orang mufti. Tambah merumitkan keadaan, setiap mufti di negeri masing-masing mengeluarkan fatwa yang berbeza-beza, walaupun membincangkan isu yang sama. Terdapat situasi di mana, satu pihak menyatakan boleh (halal), satu lagi pihak menyatakan haram. Akibat dari semua ini, umat Islam berada di dalam kekeliruan dan kebingungan, mana satukah hukum yang hendak dipegang?

Malangnya tiada pihak yang 'nampak' bahawa yang menjadi punca kepada masalah ini adalah sistem Federasi itu sendiri, yang menghadkan 'sempadan' untuk setiap mufti berfatwa. Justeru, sepatutnya satu perbincangan di kalangan mufti diadakan bagi menyelesaikan perkara asas ini dulu. Yang menyedihkan

ialah, kita tidak pernah mendengar samada Majlis Fatwa atau mufti mengeluarkan fatwa bahawa Sistem Federasi yang menjadi dalang kepada 'perbalahan' ini adalah haram dan wajib diganti dengan sistem pemerintahan Islam yang sebenar. Hakikatnya dari dulu hingga sekarang, pihak-pihak yang mengeluarkan fatwa ini hanya sibuk berbincang masalah cabang sehingga masalah pokok (*usul*) ditinggalkan (atau sengaja tidak dibincangkan?).

Disebabkan golongan yang diiktiraf sebagai ulama ini sibuk bertikam lidah di dalam masalah ranting, maka umat Islam pun turut terjerat di dalam polemik yang sama. Umat Islam sudah hilang arah, kerana orang yang memandu mereka telah tersesat dari peta perjalanan yang sebenar. Pemandu mereka hanya berlegar dan berpusing-pusing di *roundabout* (bulatan) yang dibina oleh penjajah sehingga mereka telah 'pening' dan tidak lagi nampak jalan yang lurus. Sebahagian dari pemandu itu pula memang telah diberi upah agar berpusing di jalan yang sama dan mereka telah selesai dengan upah tersebut. Selalunya upah tersebut telah mengikat dan melalaikan mereka dari berada di jalan yang lurus.

Inilah yang menyedihkan kita dan kita teramat kecewa dengannya. Pada masa mereka sibuk berpolemik dengan hukum-hukum cabang, kita menyaksikan bahawa kita tidak pernah mendengar seorang pun dari kalangan mufti ini yang berfatwa bahawa sistem pemerintahan yang diamalkan sekarang adalah sistem Demokrasi kufur ciptaan penjajah dan undang-undang yang diamalkan sekarang adalah undang-undang kufur, yang jelas-jelas haram. Juga, tidak ada mufti yang mengeluarkan fatwa bahawa undang-undang yang dibuat oleh manusia di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri adalah tidak sah kerana merupakan produk tangan-tangan manusia yang keji dan bertentangan dengan undang-undang Allah. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala,

"Sesungguhnya (hak membuat) hukum hanya pada Allah" [TMQ Yusuf (12):40].

Juga, jarang sekali mufti yang mengeluarkan fatwa bahawa kita wajib berhukum dengan hukum Islam dan wajib ke atas pemerintah untuk menerapkan Islam secara *kaffah*. Tidak menerapkan hukum Islam di dalam pemerintahan adalah jelas-jelas satu keharaman yang nyata dan Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi peringatan yang keras di dalam hal ini, di mana Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

"Dan barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan, maka mereka itulah orang-orang yang kafir" [TMQ al-Mai'dah (5):44].

"Dan barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim" [TMQ al-Mai'dah (5):45].

"Dan barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq" [TMQ al-Mai'dah (5):47].

Kita hairan kenapa tidak pernah ada fatwa dikeluarkan tentang ayat-ayat di atas. Kita turut sedih dan kecewa kenapa tidak ada fatwa dikeluarkan mengharamkan riba yang telah mendarah daging di dalam tubuh umat Islam pada hari ini. Juga, tidak kedengaran fatwa yang mengharamkan institusi perbankan yang menjalankan riba dan haram serta dosa besar atas pemerintah yang membenarkan sistem riba dipraktikkan. Kenapa tidak ada fatwa yang menjelaskan bahawa sistem ekonomi Malaysia adalah berdasarkan sistem ekonomi kapitalis, bukannya sistem ekonomi Islam dan ini adalah haram. Ada yang menyatakan bahawa tidak salah mengambil sistem ekonomi kapitalis. Kami ingin bertanya, adakah Allah tidak menurunkan satu sistem ekonomi yang lengkap dan sempurna untuk kita, sehingga kita perlu mengambil atau mencampur-adukkan sistem Islam dengan sistem kufur dari Barat ini?

Kenapakah tidak ada fatwa dikeluarkan bahawa Islam mewajibkan pemerintah memenuhi tiga keperluan asas (*basic needs*) kepada rakyatnya berupa makanan, pakaian dan tempat tinggal. Pemerintah akan berdosanya apabila ada di kalangan rakyatnya yang tidak cukup makan, pakaian dan tidak mempunyai tempat tinggal, walhal pada masa yang sama pemerintah hidup dilimpahi segala kesenangan dan kekayaan. Kenapa tidak ada fatwa dari mana-mana mufti menjelaskan kewajipan ke atas pemerintah memberikan hak asas (*basic rights*) kepada rakyat berupa pendidikan dan kesihatan yang percuma. Saban hari kita melihat dan mendengar penderitaan dan keluhan dari rakyat kerana terpaksa memikul kos pembiayaan persekolahan dan kos rawatan kesihatan yang tinggi, terutama bagi yang mempunyai anak yang ramai dan pengidap penyakit-kronik. Dalam masa yang sama, pemerintah menghabiskan berbillion ringgit untuk sambutan perayaan, kempen-kempen, kursus-kursus yang tidak berfaedah, projek-projek atas nama pembangunan dan banyak lagi. Di manakah mufti di dalam menegur pemerintah dan mengeluarkan fatwa untuk semua ini?

Kita juga tidak pernah mendengar Majlis Fatwa atau para mufti mengeluarkan fatwa bahawa haram bagi kita untuk berbaik-baik dengan Amerika Syarikat (AS) dan menjalin hubungan diplomatik dengan mereka. Juga haram untuk kita tunduk kepada musuh Allah ini. Ini kerana AS adalah sebuah negara kafir harbi *fi'lan* (negara kafir yang sedang memerangi Islam). Sebaliknya, golongan ulama ini diam membisu dengan perbuatan para pemimpin yang masih boleh bersama dan berjabat tangan dengan Presiden AS, walaupun sudah terang lagi bersuluh bahawa ia adalah pembunuh umat Islam. Semua persoalan ini dan banyak lagi persoalan lain yang tidak dapat diungkapkan di sini mengheret kita untuk bertanya, apakah tugas sebenar mufti, adakah hanya ingin memberi fatwa terhadap

perkara-perkara yang dipilih oleh mereka sahaja atau menjalankan fatwa atas arahan tertentu? Atau ada yang berfatwa untuk mencari nama atau populariti? Atau apakah mereka sebenarnya takut kehilangan jawatan jika mengeluarkan fatwa di dalam isu-isu sebegini? Wahai mereka yang digelar ulama! Apakah dunia yang kalian cari.....?

Jika kalian benar-benar takutkan Allah dan kalian memegang jawatan bukan mengharapkan habuan dunia, kenapakah kalian tidak mengeluarkan fatwa bahawa kita wajib berjuang menegakkan *deenullah*, bahawa umat Islam wajib bersatu di bawah satu pemerintahan dan kalian wajib berjuang bersama, bukannya hanya sibuk berpolemik. Jika kalian benar-benar bertaqwa kepada Allah, kenapakah kalian tidak berfatwa bahawa umat Islam wajib menegakkan Daulah Khilafah dan kesemua negeri kaum Muslimin wajib bergabung di dalamnya. Kenapakah kalian tidak mengeluarkan fatwa bahawa para pemerintah wajib menyeru dan berusaha menggabungkan keseluruhan umat Islam di bawah satu payung pemerintahan?

Inilah tugas kalian wahai para ulama! Janganlah kalian mengharapkan upah yang sedikit, lalu hanyut tenggelam dan menjadikan status mufti kalian sebagai 'jawatan dunia', tanpa memandangkan bahawa mufti adalah status yang syara' letakkan sebagai 'tugas akhirat'. Jika kalian benar-benar menyedari akan hakikat kenapa Allah menghidupkan kalian di dunia dan kalian memahami dan sedar akan amanah yang ada di bahu kalian, maka persoalan 'Mufti Besar' bukanlah persoalan yang sepatutnya menjadi polemik kalian dan kalian patut sedar bahawa ia bukannya penyelesaian kepada masalah umat Islam. Tetapi yang menjadi persoalan kita semua adalah kewajipan mewujudkan seorang Khalifah (bukannya seorang Mufti Besar) yang akan memerintah berdasarkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya serta akan menyelamatkan umat ini dari segala perselisihan dan perpecahan dan seterusnya membawa rahmat Allah ke seluruh penjuru alam.

Khatimah

Wahai Kaum Muslimin! Islam telah melalui sejarah pemerintahan yang panjang. Di sepanjang perjalanannya, hubungan antara pemerintah dan ulama mempunyai satu sejarah yang tersendiri dan amat mengagumkan. Sejarah mencatatkan bahawa ramai di kalangan para ulama salaf yang tidak pernah lekang menasihati dan memuhasabah penguasa sehingga ada di antara mereka yang dipenjara, disiksa, malah dibunuh di dalam melakukan *amar ma'ruf nahi mungkar* ini. Nama-nama seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Ahmad Bin Hanbal, Imam Syafie,

Ibnu Taimiyah senantiasa mekar harum dan terabadi dalam sejarah Islam sebagai ulama yang benar-benar ikhlas memperjuangkan agama Allah hingga ke hembusan nafas yang terakhir. Mereka adalah orang-orang yang dekat dengan pemerintah, selalu diugut dan disiksa, tetapi tidak pernah gentar menghadapi segala macam ancaman dan tentangan dari pemerintah, walaupun nyawa menjadi taruhan. Mereka yakin dan bertawakkal bahawa hanya Allah satu-satunya Penolong dan Pelindung mereka dan mereka sentiasa memohon kepada Allah agar kelak kembali ke sisiNya dalam keadaan syahid.

Inilah sikap ulama yang kita ingini dan kita harapkan. Semoga akan lahirlah ulama di zaman ini yang hanya takutkan Allah, bukannya takut kepada pemerintah, cintakan Allah, bukan cinta dunia dan takutkan mati. Seorang ulama pernah mengingatkan kita,

"Bahawa ulama itu ada tiga macam, iaitu (pertama) ulama yang membinasakan dirinya dan orang lain dengan mengejar kesenangan dunia. Dan (kedua) ulama yang menyelamatkan dirinya dan orang lain dengan menyeru dan memanggil manusia untuk berbakti kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala secara lahir dan batin. Dan (ketiga) ulama yang membinasakan dirinya tetapi menyelamatkan orang lain, pada zahirnya dia memanggil manusia untuk mengerjakan kebaikan, tetapi secara diam-diam dia sendiri hanya mengejar harta untuk mencari kekayaan dan kedudukan dunia. Maka hendaklah kita memeriksa diri masing-masing, ke dalam golongan manakah kita termasuk? [Imam Ghazali, Ihya' Ulumuddin].

Akhir kata, semoga kita tidak termasuk ke dalam golongan yang hanya pandai berkata-kata, tetapi tidak dikota. Renungilah sabda Junjungan kita dan ambillah peringatan agar kita tidak bertemu dengan Allah dalam keadaan menyesal yang tiada gunanya lagi,

"Akan datang pada hari kiamat seseorang, lalu dia dicampakkan ke dalam neraka jahanam, maka berhamburanlah isi perutnya dan dia berputar-putar sebagaimana keldai memutar kincir. Maka datanglah penghuni jahanam dan bertanya kepadanya, 'Hai Fulan, apakah yang telah terjadi atas dirimu? Bukankah kamu dahulu menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar?' Dia berkata, 'memang aku dahulu menyuruh yang makruf tetapi aku sendiri tidak melaksanakannya dan aku mencegah perbuatan mungkar, tetapi aku sendiri melakukannya'" [HR Bukhari dan Muslim].

wallahua'lam